

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT** menyatakan status pelaksanaan i-Suri dan manfaat yang
telah diperoleh oleh isteri pencarum sejak ianya dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Caruman Sukarela Insentif atau i-Suri adalah program baharu Kerajaan yang diperkenalkan khas untuk golongan wanita telah dilancarkan pada 8 Ogos 2018 dan mula berkuat kuasa serta dibuka untuk pendaftaran pada 15 Ogos 2018. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merupakan Urusetia Induk Penyelarasan Pelaksanaan i-Suri manakala Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) merupakan Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Pengoperasian

i-Suri Fasa 1. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula merupakan agensi pelaksana yang bertanggungjawab dalam menjayakan inisiatif i-Suri.

Wanita yang berdaftar dengan i-Suri layak mendapat insentif khas daripada Kerajaan berjumlah RM40 sebulan atau RM480 setahun dengan syarat ahli i-Suri hendaklah membuat caruman individu sebanyak RM5 sebulan atau RM60 setahun. Ini kerana, i-Suri adalah program bantuan bersasar mengikut kriteria yang ditetapkan yang diperkenalkan untuk menggalakkan budaya menabung dalam kalangan masyarakat. Inisiatif ini dijanakan dengan harapan untuk memberi perlindungan sosial (*social protection*) dalam masa akan datang.

i-Suri merupakan skim bantuan bersasar yang merupakan langkah pertama Kerajaan untuk menggalakkan kumpulan rentan khususnya wanita untuk mula menabung bagi hari tua atau ketika menghadapi kesusahan dan ditimpa musibah. Antara manfaat kepada pencarum adalah untuk menggalakkan tabungan secara sukarela, menggalakkan sumbangan suami melalui potongan caruman KWSP kepada isteri yang menjadi suri rumah dan menyediakan jaringan sosial yang komprehensif kepada semua rakyat Malaysia.

Sehingga 15 Jun 2020, seramai 150,564 (45.44%) telah mendaftar inisiatif i-Suri daripada jumlah suri rumah yang layak iaitu 321,313 (berdasarkan data e-kasih sehingga 30 November 2019). Daripada

SOALAN NO. : 522

jumlah tersebut seramai 124,654 peserta telah mencarum secara konsisten dari 15 Ogos 2018 hingga 15 Jun 2020.

Negeri	Bil. Peserta eKasih	Bilangan Pendaftaran i-Suri	Bilangan Caruman i-Suri
Sarawak	66,185	25,292	20,476
Kelantan	57,776	24,751	21,006
Sabah	44,868	17,802	13,926
Terengganu	28,076	21,255	19,158
Perak	24,715	8,033	5,976
Selangor	23,301	5,331	4,441
Kedah	17,342	9,099	8,226
Pulau Pinang	14,228	6,285	5,295
Johor	11,442	4,546	3,933
Pahang	11,064	5,073	4,055
Melaka	9,324	3,050	2,624
Negeri Sembilan	8,746	4,962	3,214
Perlis	8,183	3,549	3,042
WP Kuala Lumpur	6,115	2,280	1,735
<i>Mobile Team</i>	-	9,256	7,547
Jumlah keseluruhan		150,564	124,654

Jadual 1: Data statistik i-Suri sehingga 15 Jun 2020

**Mobile team* ini merupakan usaha KWSP dalam mempertingkatkan pendaftaran i-Suri